

Kumpulan
latihan
rohani
akan
19 JAN 1977
daftar bersama

LATIHAN memang banyak jenis latihan-nya. Samada ia berupa yoga, kung-fu, tae-kwondo, karate mahupun silat — ia tetap merupakan latihan juga.

Semua itu dapat menyumbang kepada kesuburan dan kesihatan anggota badan seseorang yang menjalani satu-satu latihan itu.

Tapi, gambar yang sedang anda tatap ini merupakan satu latihan yang berlainan.

Meskipun gerak-langkahnya mirip kepada silat Melayu, namun latihan ini lebih tepat kalau dipanggil satu latihan kerohanian.

Usaha - usaha kini sedang dibuat untuk mendaftarkan secara rasmi kumpulan latihan itu.

Mahagurunya, Encik Khusni Ahmad berkata "ia tidak saja terbuka kepada orang-orang kita, bahkan juga masyarakat lain yang ada di sini."

"Siapa saja yang ingin menjadi ahli akan kami terima. Ini adalah satu cara untuk memperluaskan kepopularitan seni Melayu," ujarnya.

Dalam masyarakat yang bercorak berbilang bangsa katanya seni semacam ini perlu dikembangkan.

"Kalaupun tidak silat Melayu tetap tidak popular sepertimana yang berlaku sekarang.

"Tapi, jika kita inginkan silat popular seperti juga karate, tae-kwondo, kung-fu ataupun judo, maka ia juga perlu dikembangkan kepada masyarakat lain."

Dia bercadang mendaftarkan nama pertubuhannya beberapa bulan lagi, setelah sebuah jawatankuasa semestara dibentuk kelak.

• GAMBAR menunjukkan dua orang pelatih sedang memberikan satu demonstrasi. — Gambar oleh HAIRIS.

Senjata dalam pertunjukan: Menteri minta pendapat

semua tokoh seni silat

- 6 FEB 1977

Berita Minggu

Pencak Silat

BATU PAHAT, Sabtu.— Semua badan seni mempertahan diri di seluruh negara mungkin dilarang menggunakan senjata atau besi tajam tak lama lagi ketika mengadakan pertunjukan pentas atau di khayak ramai.

Oleh
JAILANI AWANG

jadikan panduan kepada ahli muzik tanahair kerana ia dianggap paling original.

Datuk Samad juga tidak menghalang belia-belia meminati lagu-lagu berunsur Hindustan atau Arab.

"Tetapi saya sangat tidak setuju bila lagu-lagu itu ditiru bulat-bulat kecuali diubah senikatanya saja," kata beliau.

Beliau mencadangkan lagu-lagu luar negeri seperti itu diubah sesuai dengan alam kesenian Malaysia.

Menteri itu memberitahu, kementeriannya bercadang memberi bantuan kewangan kepada kumpulan-kumpulan kugiran kerana muzik ini belum lagi dianggap sebagai salah satu cabang kesenian bangsa Malaysia.

Beliau juga menyatakan, kementeriannya sedang berusaha mencari jalan untuk mempopularkan seni bangsawan kepada kalangan anak-anak muda sekarang.

Di peringkat awal beliau mencadangkan supaya semua pelakun bangsawan diambil dari seniman dan seniawati yang jelita dan kacak.

"Jikalau usaha ini dapat dilakukan tentu akan menarik minat belia — belia untuk menontonnya walaupun di peringkat permulaan hanya bertujuan meminati pelakun-pelakunnya saja," beliau menambah.

Abdikan

Sementara itu waktu berucap kepada pemimpin-pemimpin majlis belia daerah ini di Wisma Belia di sini malam tadi, Datuk Samad menyatakan, kementeriannya sedang mengabdiakan nota 15 buah lagu asli negara ini.

"Apabila usaha menyusunnya siap kelak, buku nota itu akan diedarkan kepada orang ramai, ahli-ahli muzik dan murid-murid sekolah," katanya.

Nota lagu-lagu ini ke-